



IKAN fugu. - AFP HM 8/9/2024 PG 22

Termuda diizin sedia hidangan ikan 'fugu'

Tokyo: Seorang kanak-kanak Jepun berusia 10 tahun menjadi individu termuda yang dibenarkan untuk menyediakan ikan 'fugu', iaitu satu hidangan istimewa namun boleh membawa maut sekiranya bahagian beracun tidak dibuang dengan betul.

Kanak-kanak yang dikenali sebagai Karin Tabira itu adalah pelajar tahun lima dan lulus ujian bagi membolehkannya menyediakan ikan berkenaan.

Dia sebelum ini menunjukkan kemahirannya dengan menyediakan hidangan nipis sasyimi fugu itu kepada Gabenor Wi-

layah Kumamoto, Takashi Kimura.

"Saya gembira apabila Gabenor mengatakan 'ois-hi', yang bermaksud sedap dalam bahasa Jepun," katanya kepada wartawan ketika ditemui dalam satu acara.

Tabira adalah antara 60 individu yang lulus dalam ujian berkenaan.

Sebanyak 93 orang yang kebanyakannya cef profesional mengikuti ujian di wilayah Yamaguchi.

Tabira berkata, mengikuti ujian itu adalah sebahagian daripada 'cuti musim panas yang meng-gembirakan.' - AFP